218	Nathan S.S., Hashim N.L., Hussain A., Sivaji A., Pozin M.A.A.	Mohd Affendi Bin Ahmad Pozin	Validating the Usability Evaluation Model for Hearing Impaired Mobile Application	International Journal of Advanced Computer Science and Applications	WOS
219	Nathan S.S., Hashim N.L., Hussain A., Sivaji A., Pozin M.A.A.	Mohd Affendi Bin Ahmad Pozin	Validating the Usability Evaluation Model for Hearing Impaired Mobile Application	International Journal of Advanced Computer Science and Applications	Scopus
220	Ahmed Alnagrat A.J., Ahmed K.M.S., Alkhallas M.I., Almakhzoom O.A.I., Syed Idrus S.Z., Che Ismail R.	Syed Zulkarnain Bin Syed Idrus	Virtual Laboratory Learning Experience in Engineering: An Extended Technology Acceptance Model (TAM)	Proceeding - 2023 IEEE 3rd International Maghreb Meeting of the Conference on Sciences and Techniques of Automatic Control and Computer Engineering, MI-STA 2023	Scopus

Bil	Authors	Author Full Name & ID No.	Title	Source Title	Source
221	Ahmed Alnagrat A.J., Ismail Alkhallas M., Imhmed Mohamed A.S., Che Ismail R., Syed Idrus S.Z., Salem Saed H.	Ahmed Jamah Ahmed Alnagrat Rizalafande Bin Che Ismail Syed Zulkarnain Bin Syed Idrus	Virtual Reality Semiconductor Laboratory: Usability Testing to Improve User Experience (UX) in Virtual Environments	Proceeding - 2023 IEEE 3rd International Maghreb Meeting of the Conference on Sciences and Techniques of Automatic Control and Computer Engineering, MI-STA 2023	Scopus
222	Jamlos M.A., Subramaniam S., Mustafa W.A., Idrus S.Z.S.	Mohd Aminudin Bin Jamlos Suthan A/l Subramaniam Wan Azani Bin Wan Mustafa Syed Zulkarnain Bin Syed Idrus	Water quality monitoring system using Raspberry Pi	AIP Conference Proceedings	Scopus



Penulis oleh Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Shaari dan Dr. Noorazeela binti Zainol Abidin.

Penulis oleh Prof. Madya Dr. Ummi Naiemah binti Saraih dan Dr. Khairun Nisa' binti Khairuddin.



E-majalah (digital) terbitan Jabatan Bahasa & Pengajaran Umum (JBPU), FPK



Penulis oleh Dr. Nur Qurratul'Aini binti Ismail

LAPORAN AKTIVITI HAL EHWAL PELAJAR

NAMA PROGRAM	PENGUNDIAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 22/23
TARIKH	17 JANUARI 2023
TEMPAT	FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI, KAMPUS KANGAR


17 Januari 2023, bertempat di Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Kampus Kangar Kelab BESCA dengan kerjasama Jawatankuasa Pemilihan Pemimpin Mahasiswa (JPPM) telah diadakan Pengundian Majlis Perwakilan Pelajar sesi 22/23 yang melibatkan mahasiswa FPK. Program ini adalah merupakan salah satu bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak kelab kepada pihak JPPM dalam pemilihan pemimpin mahasiswa sesi 2023/2024. Penglibatan para ahli kelab dalam program seperti ini akan menjadi salah satu input yang berguna kepada para pelajar yang boleh diguna pada masa akan datang. Turut hadir bersama-sama membantu pengundian ini ialah Dr. Mohd Fitri Bin Mansor (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi).

HAL EHWAL PELAJAR



NAMA PROGRAM	PENGUNDIAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 22/23
TARIKH	20 JANUARI 2023
TEMPAT	ONLINE

20 Januari 2023, majlis bacaan yasin dan doa kecemerlangan telah diadakan melalui platform zoom meeting yang bermula pada jam 9.00 malam. Program ini dianjurkan oleh kelab NEMEC yang merupakan program kerohanian dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta kerjasama antara mahasiswa dan mahasiswi. Tujuan majlis ini juga adalah untuk mendoakan ahli keluarga mahasiswa Komunikasi Media Baharu yang telah meninggal dunia, memohon keberkatan dalam menimba ilmu dan membantu mahasiswa dan mahasiswi untuk lebih fokus dalam menjawab peperiksaan yang akan datang. Program ini turut melibatkan Ahli Majlis Tertinggi Dan Exco NEMEC Sesi 2022/2023 dan Mahasiswa Komunikasi Media Baharu.



NAMA PROGRAM	MAJLIS BACAAN YASSIN DAN SOLAT HAJAT
TARIKH	4 FEBRUARI 2023
TEMPAT	KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI

04 Februari 2023, bertempat di Dewan Terbuka Kompleks Perumahan Tan Sri Aishah Ghani (KPTAG) mengadakan majlis bacaan yasin dan solat hajat yang dianjurkan oleh Kelab NEMEC dengan Kerjasama Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Dan Teknologi Awam (PPFKTA), Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Dan Teknologi Kimia (PPFKTK) dan Majlis Penghuni Kompleks Perumahan Tan Sri Aishah Ghani (MPKPTAG). Tujuan majlis ini adalah bagi memberi motivasi kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk melaksanakan tuntutan syariat dengan yakin serta bacaan yassin sebagai pelengkap untuk penyempurnaan permohonan sesuatu hajat. Majlis ini juga menyedarkan mahasiswa dan mahasiswi tentang pentingnya usaha yang bersungguh-sungguh, memohon doa dan bertawakal kepada Allah SWT serta dapat mengeratkan silaturahim. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dr. Muhammad Nur Aiman Bin Uda, Pengetua, Kompleks Perumahan Tan Sri Aishah Ghani.



NAMA PROGRAM	URUS LAPORAN KEWANGAN PERNIAGAAN ANDA
TARIKH	01 FEBRUARI 2023
TEMPAT	ONLINE

01 Februari 2023, Kelab BESCA FPK dengan kerjasama Fakulti Perniagaan & Komunikasi berjaya menganjurkan Webinar ‘Urus Laporan Kewangan Perniagaan Anda dengan Bijak’ secara atas talian melalui platform google meet. Program ini bertujuan mendedahkan para pelajar pelan pengurusan kewangan dengan betul dan efektif, memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem perakaunan yang betul dan membantu pelajar untuk menilai status penyata kewangan perniagaan. Moderator penceramah program ini ialah Dr. Shafawaty Mohammad Shabri tenaga pengajar FPK sendiri. Manakala program ini terbuka kepada semua mahasiswa/siswi UniMAP dimana turut serta Prof. Madya Dr Tunku Salha Tunku Ahmad (Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi) dan Dr Mohd Fitri Bin Mansor (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi) sebagai jemputan VIP dan Pengarah program Pn Najuwa Binti Mohd Nasir yang merupakan Pensyarah FPK.





NAMA PROGRAM	CERAMAH KEBERKATAN MENUNTUT ILMU DAN KECEMERLANGAN PELAJARAN
TARIKH	2 FEBRUARI 2023
TEMPAT	DEWAN KOLEJ KEDIAMAN SIMPANG EMPAT

02 Februari 2023 ☰ Kelab BESCA telah mengadakan ceramah ‘Keberkatan Menuntut Ilmu dan Kecemerlangan Pelajaran secara Hybrid’ iaitu fizikal bertempat di Dewan Kolej Kediaman Simpang Empat dan secara platform google meet. Panel penceramahnya adalah Dr. Muhammad Asyraf Bin Mohd Kassim. Objektif utama program ini ialah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai adab dan tatacara menuntut ilmu, memahami cara-cara menuntut ilmu secara betul dan berkat kepada para peserta seterusnya mendedahkan kepada para peserta untuk menjadi cemerlang dalam akademik dan sahsiah diri. Program ini melibatkan mahasiswa/siswi FPK manakala turut hadir Dr. Mohd Fitri Bin Mansor (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perniagaan & Komunikasi).




NAMA PROGRAM	PROGRAM WEBINAR ‘CAREER TALK’: KERJAYA BUNDLE PEMACU PROFESION DENGAN BIJAK
TARIKH	05 MAC 2023
TEMPAT	ONLINE

05 Mac 2023 □ Program Webinar ‘Career Talk’: Kerjaya Bundle Pemacu Profesional’ telah diadakan secara atas talian ‘Google Meet’ oleh kelab BESCA FPK. Tujuan program ini memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai ilmu usahawan berkenaan perniagaan ‘bundle’ yang kian membangun seiring dengan peredaran masa dan membangkitkan semangat keusahawanan dalam diri pelajar dan dapat menerapkan ilmu yang dikongsi dalam usaha niaga pada masa hadapan. Penceramah yang dijemput adalah merupakan Alumni FPK yang telah berjaya menceluri perniagaan “bundle” setelah bergraduat. Seramai 250 orang pelajar FPK menyertai program ini.



NAMA PROGRAM	THE POWER OF CAREER STRATEGY: FRESH GRADUATE'S ARE YOU READY FOR JOB HUNT
TARIKH	11 MAC 2023
TEMPAT	ONLINE

11 Mac 2023 □ Kelab Nemec menganjurkan The Power of Career Strategy: Fresh Graduate's Are You Ready For Job Hunt' secara platform google meet yang melibatkan seramai 238 orang pelajar FPK. Objektif program ini memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i terhadap alam pekerjaan, melahirkan pemikiran yang matang kepada mahasiswa/i untuk bersiap sedia dalam menghadapi alam pekerjaan dan meningkatkan semangat mahasiswa/i untuk menghadapi cabaran dalam pekerjaan. Program ini juga turut disertai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Perniagaan & Komunikasi Dr. Mohd Fitri bin Mansor.



NAMA PROGRAM	PROGRAM SAMBUTAN PENDAFTARAN PELAJAR TAHUN 1 FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI
TARIKH	25 & 26 MAC 2023
TEMPAT	KOLEJ KEDIAMAN TENGKU FAUZIAH & KOMPLEKS PERUMAHAN PAUH PUTRA

25 & 26 Mac 2023 Kelab NEMEC dan BESCA dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bertempat di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah & Kompleks Perumahan Pauh Putra telah mengadakan Program Sambutan Pendaftaran Pelajar Tahun 1 Fakulti Perniagaan & Komunikasi. Program ini diadakan dengan harapan dapat memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i terhadap alam universiti, mengeratkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa/i dan barisan kepimpinan utama Fakulti Perniagaan & Komunikasi dan memastikan mahasiswa/i Tahun 1 dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran dan kehidupan di kampus. Program ini melibatkan seramai 248 orang mahasiswa FPK datang mendaftar di kolej kediaman masing-masing.



NAMA PROGRAM	PROGRAM PEDULI RAMADAN FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI
TARIKH	09 APRIL 2023
TEMPAT	PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM MAK THE, KANGAR

09 April 2023, bertempat di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh Rumah Seri Kenangan, Kangar kelab BESCA yang melibatkan seramai 15 Ahli jawatankuasa dan 4 orang sukarelawan meluangkan masa bersama-sama anak yatim rumah Mak The mengadakan program ‘Peduli Ramadhan Fakulti Perniagaan & Komunikasi’. Melalui program seperti ini, semua Ahli Jawatankuasa dapat bersua dan beramah mesra bersama-sama anak-anak Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh yang berumur dalam lingkungan 13 tahun hingga 17 tahun. Disamping itu juga, pihak kelab telah menyampaikan cenderahati dan hamper kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh Rumah Seri Kenangan sebagai tanda penghargaan. Objektif program ini bagi menerapkan rasa simpati, empati, kasih sayang, jati diri dan keprihatinan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan mencapai objektifnya.



NAMA PROGRAM	PPROGRAM "KAWAH KASIH RAMADAN"
TARIKH	09 APRIL 2023
TEMPAT	KOLEJ KEDIAMAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

09 April 2023, bertempat di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh Rumah Seri Kenangan, Kangar kelab BESCA yang melibatkan seramai 15 Ahli jawatankuasa dan 4 orang sukarelawan meluangkan masa bersama-sama anak yatim rumah Mak The mengadakan program ‘Peduli Ramadhan Fakulti Perniagaan & Komunikasi’. Melalui program seperti ini, semua Ahli Jawatankuasa dapat bersua dan beramah mesra bersama-sama anak-anak Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh yang berumur dalam lingkungan 13 tahun hingga 17 tahun. Disamping itu juga, pihak kelab telah menyampaikan cenderahati dan hamper kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mak Teh Rumah Seri Kenangan sebagai tanda penghargaan. Objektif program ini bagi menerapkan rasa simpati, empati, kasih sayang, jati diri dan keprihatinan kepada golongan yang kurang berasib baik dan mencapai objektifnya.



NAMA PROGRAM	GLAMZ RAYA FPK
TARIKH	27 MEI 2023
TEMPAT	FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI, KAMPUS JEJAWI

27 Mei 2023, bertempat di Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Telekomunikasi (iKOM), Jejawi. Kelab BESCA dan NEMEC Fakulti Perniagaan & Komunikasi telah mengadakan Glamz Raya 2023 FPK dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP. Tujuan majlis ini diadakan untuk memberi ruang kepada mahasiswa/i FPK untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain, memupuk sifat-sifat mahmudah dalam kalangan mahasiswa/i dan mewujudkan persefahaman serta semangat kerjasama dalam kalangan mahasiswa/i untuk melaksanakan program berbentuk perayaan. Para jemputan tidak hanya terhad kepada pelajar berbangsa Melayu sahaja, malah jemputan juga terdiri dari pelajar yang berbangsa lain seperti bangsa Cina, Indian dan Siam.



NAMA PROGRAM	PROGRAM JELAJAH BUKU (PBAKL)
TARIKH	3 JUN 2023
TEMPAT	PUSAT DANGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (PWTC)

03 Jun 2023, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (PWTC) seramai 40 orang mahasiswa/i mewakili kelab NEMEC dan BESCA Fakulti Perniagaan & Komunikasi dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP telah menghadiri Program Jelajah Buku (PBAKL). Objektif utama yang dibawa dalam program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i mengenai pelbagai karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara, memberi pendedahan dan ilmu kepada mahasiswa/i mengenai pelbagai buku dan bahan bacaan. Selain itu juga, pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh pihak Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang dapat memberi manfaat dan ilmu kepada mahasiswa/i.



NAMA PROGRAM	BENGKEL MALAYSIAN ICT VOLUNTEER (MIV) with IHE @ UNIMAP
TARIKH	16-18 JUN 2023
TEMPAT	HOMESTAY UJUNG BUKIT

16, 17, 18 JUN 2023, bertempat di Homestay Ujung Bukit, Perlis seramai 50 orang mahasiswa/i kelab BESCA dan NEMEC telah berjaya menghadiri Bengkel Malaysian ICT Volunteer (MIV) With IHE @ UniMAP. Bengkel ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak MCMC selama 3 hari berturut-turut dengan 7 slot bersama penceramah dan aktiviti-aktiviti lain. Objektif bengkel ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan usaha-wan digital, mewujudkan semangat keusahawanan yang menerapkan pelbagai ilmu yang boleh digunakan pada pembelajaran dan pekerjaan. Seterusnya bengkel ini juga dapat meningkatkan tahap kefahaman pelajar berkenaan bidang keusahawanan digital yang semakin banyak digunakan kini. Ianya juga turut dihadiri Dr. Mohd Fitri bin Mansor (Timbalan Dekan HEPA) FPK mewakili dekan FPK.



NAMA PROGRAM	SEMINAR CELIK KEPENGUNAAN
TARIKH	16 JUN 2024
TEMPAT	GOOGLE MEET

16 Jun 2023 Fakulti Perniagaan & Komunikasi telah menganjurkan seminar celik pengguna secara atas talian 'Google meet' dengan kerjasama Special Interest Group, Design for All (EinDfA) di bawah Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), dan Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Mekanikal, UniMAP. Seminar ini melibatkan seramai 595 orang pelajar bagi memenuhi pillars 6. Tujuan seminar ini ialah untuk memperkasa pengguna ergonomik, dan faktor manusia serta keselamatan berpusatkan pengguna yang mana pengaruh keputusan pembelian adalah berdasarkan kesedaran kewangan etika kepenggunaan. Seminar begini perlu kerap dianjurkan untuk memberikan kesedaran tentang hak-hak pengguna.



NAMA PROGRAM	CAREER TALK @ UniMAP (Student Entrepreneur Program with Allianz)
TARIKH	20 JUN 2024
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN PAUH PUTRA

20 Jun 2023, bertempat di Dewan Kecemerlangan Pauh Putra, Fakulti Perniagaan & Komunikasi dengan kerjasama Allianz Life Insurance Malaysia Berhad telah berjaya mengadakan Career Talk @ UniMAP (Student Entrepreneur Program with Allianz). Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kelebihan dan kekuatan diri sendiri serta kecenderungan diri sebagai panduan dalam membuat keputusan terhadap jenis pekerjaan yang perlu diceburi. Seterusnya memberi pengetahuan dan peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam dunia keusahawanan yang disediakan oleh pihak Allianz (CEO Program) juga membantu para peserta untuk mendapatkan pendapatan tambahan melalui program kesushawanan yang disediakan. Program ini telah dirasmikan oleh En Raymond Cheah, Chief Sale Officer Allianz Life Insurance



NAMA PROGRAM	CAREER TALK @ UniMAP (Career Preparation)
TARIKH	23 JUN 2023
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

23 Jun 2023, bertempat di Dewan Kecemerlangan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan Kerjasama Allianz Life Insurance Malaysia Berhad telah berjaya menganjurkan Career Talk @ Unimap (Career Preparation). Program ini dijalankan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kelebihan dan kekuatan, mengenal personaliti diri dan kecenderungan diri sebagai panduan dalam membuat keputusan terhadap jenis pekerjaan yang perlu diceburi. Objektif seterusnya memberi pengetahuan dan memahami kemahiran serta teknik-teknik penyediaan resume yang mantap. Memberi pengetahuan dan pendedahan teknik-teknik temuduga berdasarkan pengalaman sebenar penceramah supaya para pelajar lebih faham dan yakin semasa menghadiri sesi temuduga. Program ini turut dihadiri En Dennis Chin Cheong, Ketua Agensi Rakan Kongsi & Pembangunan Strategik. Prof Madya Dr Tunku Salha Bt Tunku Ahmad, Dekan FPK Dr Mohd Fitri Bin Mansor (TD-HEPA FPK) dan delegasi Dari Allianz.



NAMA PROGRAM	FORUM FELO TALK PERDANA: KEPIMPINAN MAHASISWA UMIMAP
TARIKH	4 JULAI 2023
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

04 Julai 2023 Bertempat di dewan kecemerlangan Pauh Putra telah diadakan Forum Felo Talk Perdana: Kepimpinan Mahasiswa UniMAP yang dianjurkan kelab BESCA FPK dengan kehadiran panel jemputannya ialah Panel 1: Peshminder Pall Singh Panel 2: Iman Nurhakim Bin Abu Sa'ya. Objektif program adalah mendedahkan pemimpin mahasiswa dan mahasiswa kepada inisiatif Felo Perdana & Felo Korporat kepada mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMap) seterusnya memberi peluang kepada pemimpin mahasiswa untuk meneruskan sifat kepimpinan ke peringkat yang lebih tinggi. Memupuk sifat kepimpinan di kalangan diri mahasiswa disamping memperkasa "Student Empowerment" di kalangan pelajar UniMap. Manakala tetamu jemputan yang hadir ialah YBRS. Prof. Madya. Ir. Dr. Mohd Arif Anuar (Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) dan Encik Muadz Bin Nazari (Pengawai Tadbir P3P).



NAMA PROGRAM	KARNIVAL SUKAN UniMAP
TARIKH	23 & 25 JULAI 2023
TEMPAT	KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN

23 & 25 Julai 2023, bertempat di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Petra, Fakulti Perniagaan & Komunikasi di bawah kelab BESCA & NEMEC dengan Kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan (UETech) telah berlangsungnya Karnival Sukan UniMAP. Sukan ini melibatkan seramai 55 orang peserta dan 33 orang AJK bagi menjayakan sukan ini. Tujuan karnival sukan ini diadakan adalah untuk meningkatkan ikatan sosial antara mahasiswa, kakitangan dan komuniti universiti bersama-sama untuk berinteraksi, berkompetisi dan bersenam bersama untuk kehidupan yang lebih sihat. Ianya dapat melahirkan mahasiswa/i yang sentiasa kekal cergas dari segi mental dan fizikal supaya memberi impak yang positif. Seterusnya meningkatkan semangat persaingan dan kecemerlangan untuk mencapai prestasi terbaik supaya ditingkatkan melalui karnival sukan ini. Program ini juga turut dihadiri oleh Dr Mohd Fitri Bin Mansor, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni FPK untuk memberi sokongan dan semasa majlis peyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pelajar FPK.



NAMA PROGRAM	FESTIVAL KEBUDAYAAN ANTARA FAKULTI (FESTKAF'23)
TARIKH	15-17 JULAI 2023
TEMPAT	PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P)

15 – 17 Julai 2023, bertempat di Dataran Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) UniMAP, Kelab BESCA FPK dengan kerjasama NEMEC telah berjaya melibatkan seramai 14 orang peserta dan 8 orang jawatankuasa dalam Festival Kebudayaan antara Fakulti (FestKAF'23). Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat mahasiswa dan mahasiswi dengan memberikan peluang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat seni mereka, seperti tarian berirama, nyanyian berirama dan battle of band. Seterusnya bagi melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang boleh menghargai warisan dan memberikan pengetahuan kepada mahasiswa dan mahasiswi mengenai keunikan seni warisan dan kebudayaan masyarakat Malaysia melalui FestKAF'23. Program ini juga turut dihadiri oleh Dr Mohd Fitri Bin Mansor, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni FPK untuk memberi sokongan dan semasa majlis peyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pelajar FPK.



NAMA PROGRAM	MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH MALAYSIA ICT VOLUNTEER (MIV) & KARNIVAL MINI ‘KLIK DENGAN BIJAK’
TARIKH	23 OGOS 2023
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

23 Ogos 2023, bertempat di Dewan Kecemerlangan Pauh Putra, telah diadakan Majlis Penyerahan Watikah Malaysia Ict Volunteer (Miv) & Karnival Mini ‘Klik Dengan Bijak’ yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak MCMC dengan Kerjasama Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dan kelab BESCA yang melibatkan Seramai 47 orang peserta dari FPK. Majlis watikah bermula pada jam 10.00 pagi dengan kehadiran dan perasmian oleh YBhg Dato’ Naib Canselor UniMAP dan VIP dari MCMC. Pelbagai aktiviti diadakan antaranya terdapat beberapa booth yang disediakan oleh pihak MCMC dan FPK seperti gerai jualan usahawan tempatan, cabutan bertuah, persempahan nyanyian artis tempatan dan lain-lain aktiviti yang disediakan oleh volunteer MIV. Objektif utama program ini adalah untuk mengiktiraf peserta-peserta yang telah berjaya menamatkan dan meyelesaikan aktiviti dan projek sukarelawan mereka bersama komuniti. Seterusnya memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan usahawan digital, mewujudkan semangat keusahawanan dan kesukarelawan yang boleh digunakan pada pembelajaran dan pekerjaan. Malaysia ICT Volunteer memberi fokus dalam memastikan akses setara kepada pendidikan ICT, pembangunan kemahiran teknologi yang relevan, serta penyebarluasan dengan prinsip inklusiviti dan keadilan pendidikan.



NAMA PROGRAM	PERKHEMAHAN PELAJAR PROGRAM KOMUNIKASI MEDIA BAHRU
TARIKH	21-22 OKTOBER 2023
TEMPAT	TAPAK PERKHEMAHAN GUA KELAM

21 - 22 Oktober 2023, bertempat di Tapak Perkhemahan, Gua Kelam, Perlis seramai 40 pelajar tahun 2 Program Komunikasi Media Baru, Jabatan Komunikasi, FPK. Ianya melibatkan Fasilitator Pensyarah Jabatan Komunikasi dan sasarananya adalah semua pensyarah Jabatan Komunikasi FPK. Program ini mewujudkan hubungan yang lebih dinamik di antara pensyarah pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kejelitian (Cohesiveness) dan membudayakan semangat kerja berpasukan dalam kalangan pelajar, memupuk budaya kecemerlangan bagi mencapai misi dan visi khususnya Fakulti Perniagaan dan Komunikasi dan misi dan visi UniMAP umumnya



NAMA PROGRAM	MSK PELAJAR BAHARU UNIMAP SIDANG AKADEMIK 2023/2024
TARIKH	26 OKTOBER 2023
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

26 Oktober 2023, bertempat di Dewan Kecemerlangan Kampus Pauh Putra telah diadakan minggu suai kenal pelajar baharu ijazah sarjana muda sidang akademik 2023/2024 Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK). Seramai 822 orang pelajar telah berjaya mendaftar masuk sebagai mahasiswa/i di bawah Fakulti Perniagaan & Komunikasi iaitu 212 orang di bawah program Komunikasi Media Baharu, 307 orang program Perniagaan Antarabangsa dan 303 orang program Keusahawanan Kejuruteraan. Minggu suai kenal ini telah diwakili oleh Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah (Menjalankan Fungsi Dekan FPK), Dr. Mohd Fitri Mansor (TD HEPA), wakil-wakil staf akademik dan staf pentadbiran yang turut serta membantu bagi menjayakan MSK tersebut.



NAMA PROGRAM	PROGRAM OUTBOUND KE UNIVERSITAS AIRLANGGA, SURABAYA, INDONESIA
TARIKH	6 - 10 NOVEMBER 2023
TEMPAT	UNIVERSITAS AIRLANGGA, SURABAYA, INDONESIA

06 - 10 November 2023, bertempat di Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia, seramai Seramai 20 orang pelajar yang terdiri daripada 14 orang pelajar Program Perniagaan Antarabangsa dan 6 orang pelajar Program Kejuruteraan Keusahawanan, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) terlibat dalam Program Outbound ke Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia. Pensyarah pengiring seramai 5 orang yang terdiri daripada staf akademik FPK sendiri dimana mereka sebagai pensyarah pelawat di universiti itu turut serta iaitu, Dr. Atikah Nor bt. Johari, Prof Madya Dr. Shahidan bin Shaari, Dr. Faiz Masnan, Dr. Nur Salimah bt. Alias dan En Ahmad Nizam bin Kasim.



NAMA PROGRAM	PROGRAM HIGHER LEARNING ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL (HE ELCA) 2023
TARIKH	7 DISEMBER 2023
TEMPAT	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

07 Disember 2023, bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah berlangsungnya Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah bagi program Higher Learning English Language Carnival (HE ELCA) 2023. HE ELCA merupakan program tahunan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kolaborasi Universiti Awam (UA) terpilih yang juga dipilih secara rawak sebagai tuan rumah setiap tahun dalam memperkasa penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar UA di Malaysia. Seramai 1816 orang pelajar dari 20 buah UA telah mengambil bahagian. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut mengambil bahagian pada tahun ini. Sebanyak empat penyertaan telah dihantar, merangkumi tiga kategori iaitu 'Public Service Announcement', 'TikTok Challenge' dan 'Public Speaking'. UniMAP berjaya membawa pulang sebuah piala dan 'hamper' setelah berjaya memenangi tempat kedua dalam kategori 'TikTok Challenge'. Dua orang Guru Bahasa Kanan dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), En. Azrizal Salleh dan Cik Nur Farhinaa Othman telah bertolak ke UPSI.



NAMA PROGRAM	MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI SIDANG AKADEMIK 2022/2023
TARIKH	17 DISEMBER 2023
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

17 Disember 2023, bertempat di DK1 Pauh Putra telah diadakan Majlis Apresiasi FPK bagi sesi 2022/2023. Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk menghargai Mahasiswa/i FPK yang mendapat pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik pada sidang 2022/2023.



RAKAN STRATEGIK MoU & MoA



BIL	NAMA INSTITUSI	MoU / MoA	PERSON IN CHARGE
1	Athlone Institute of Technology Ireland	MoU	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad
2	Josai International University, Japan	MoU	Dr. Siti Norayu Mohd Basir
3	Dongseo University, South Korea	MoU	Dr. Siti Norayu Mohd Basir
4	Hatyai University, Thailand	MoU	Dr. Siti Norayu Mohd Basir
5	Thaksin University, Thailand	MoU	Dr. Siti Norayu Mohd Basir
6	University of 17 Agustus 1945 Surabaya & Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara & FAB Enterprises	MoA	Dr. Sharmini Abdullah
7	Daffodil International University, Bangladesh	MoU	Prof. Madya Dr. Wan Sallha Yusoff
8	Mykolas Romeris University, Lithuania	MoU	Dr. Julinawati Suanda
9	Walailak University, Thailand	MoU	Prof. Madya Dr. Wan Sallha Yusoff
10	Adventist University of the Philippines	MoU	Dr. Sharmini Abdullah
11	Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia	MoA	Dr. Rozilawati Mahadi
12	Ningxia Bai Sihui Education Consultant Co. Ltd., China	MoU	Dr. Sharmini Abdullah
13	University of 17 Agustus 1945 Surabaya, Indonesia	MoU	Dr. Sharmini Abdullah
14	Nakhon Pathom Rajabhat University, Thailand	MoU	Dr. Sharmini Abdullah
15	Universitas Syiah Kuala, Indonesia	MoU	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad
16	Wadi Makkah Knowledge Company, Arab Saudi	MoU	Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad
17	Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia	MoU	Prof. Madya Ts. Dr. Noor-Maizatul Akmar Ishak
18	Universitas Lampung, Indonesia	MoU	Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah
19	The Faculty of Language and Literature, Bunkyo University, Japan	MoU	Dr. Sharmini Abdullah
20	Ilma University, Pakistan	MoU	Prof. Madya Dr. Ummi Naeimah Saraih
21	Amity University Uttar Pradesh, India	MoU	Prof. Madya Ts. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
22	Indira Gandhi Delhi Technical University for Women, India	MoU	Prof. Madya Ts. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
23	Karachi Institute of Economics and Technology, Pakistan	MoU	Prof. Madya Dr. Ummi Naeimah Saraih
24	University of Sassari, Italy	MoU	Prof. Madya Ts. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus

AKTIVITI PROGRAM

NAMA PROGRAM	INDUSTRIAL TALK “EXPECTATION vs REALITY”
TARIKH	17 MAC 2023
MASA	10.00- 12.00 PM
TEMPAT	JABATAN KOMUNIKASI, FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI

Pada 17 Mac 2023 | satu bicara industri atau “industrial talk” telah diadakan secara maya untuk 198 pelajar tahun akhir program sarjana muda Komunikasi Media Baharu. Industri talk yang bertajuk “Expectation Vs Reality” sepatutnya disampaikan oleh pengarah bersama syarikat Rock Herbs Ind Sdn Bhd Perlis, Encik Mohd Reza Mohd Mohyin dan Encik Wan Fariq Eaman bin Wan Othman. Namun begitu, kerana hal yang tidak dapat dielakkan, pada hari kejadian, hanya Encik Mohd Reza Mohd Mohyin sahaja yang berpeluang menyampaikan bicara industri tersebut.

Tujuan bicara industri ini diadakan adalah sebagai salah satu persediaan untuk pelajar menghadapi kursus latihan industri yang akan dijalani pada akhir semester. Bicara industri ini diadakan khususnya untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang sudut pandang dan pengalaman majikan terhadap pelajar-pelajar yang membuat latihan industri di industri.

Encik Mohd Reza Mohd berkongsi tentang perspektif beliau dalam pemilihan pelajar-pelajar yang ingin membuat latihan industri di syarikatnya, tip-tip berguna semasa temuduga dan pembinaan resume serta jangkaan beliau sebagai majikan terhadap pelatih yang membuat latihan industri di tempat kerja. Pelbagai kongsian yang dikongsikan oleh Encik Mohd Reza Mohd adalah amat bermanfaat kepada 196 pelajar yang telah hadir secara maya dalam bicara santai tersebut.



NAMA PROGRAM	LAWATAN KEMBARA INDUSTRI
TARIKH	15-16 MEI 2023
MASA	3 HARI 2 MALAM
TEMPAT	DEWAN KECEMERLANGAN, PAUH PUTRA

Lawatan Kembara Industri telah diadakan pada 15-16 Mei 2023 ke tiga industri di Kuala Lumpur dan Selangor. Seramai 78 pelajar tahun akhir Komunikasi Media Baharu dan 2 orang pensyarah pengiring telah terlibat dalam lawatan ini. Lawatan ini mengambil masa selama 3 hari 2 malam termasuk masa perjalanan. Lawatan ini telah diadakan sebagai salah satu usaha persediaan sebelum pelajar menjalani kursus latihan industri. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana alam pekerjaan melalui lawatan ke tempat lawatan secara fizikal dan perkongsian dari industri yang berkaitan.

Justeru, lawatan ini melibatkan lawatan ke 3 buah industri/syarikat iaitu Gempak-Starz, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan Wau Animation. Melalui lawatan tempat, aktiviti dan perkongsian dari industri telah memberi pelbagai manfaat dan pendedahan kepada pelajar dan diharap dapat menjadi input berguna terutama sekali untuk menjalani latihan industri serta di alam pekerjaan mereka di masa hadapan.



NAMA PROGRAM	LAWATAN PENILAI LUAR DAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI
TARIKH	22-23 AUGUST 2023
MASA	9.00 AM – 10.00 PM
TEMPAT	JABATAN KOMUNIKASI, FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI

22-23 OGOS 2023 , lawatan penilai luar dan panel penasihat industri program Komunikasi Media Baharu ke Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) telah diadakan pada 22 dan 23 Ogos 2023. Dari segi jaringan industri, lawatan ini melibatkan panel penasihat industri program Komunikasi Media Baharu iaitu Encik Muhammin Yussof, Pengarah Kreatif dari syarikat Educated Production Works Sdn. Bhd.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas dari Encik Muhammin tentang pelbagai aspek dalam perlaksanaan program Kursus Komunikasi Media Baharu mewakili perspektif pihak industri. Antara aspek yang ditekankan adalah kesesuaian struktur dan kandungan akademik Kursus Komunikasi Media baharu dengan keperluan industri, keperluan instrumen dan alat pembelajaran yang relevan dengan industri serta pelbagai aspek berkaitan. Encik Muhammin telah dibawa untuk melawat makmal, studio serta kelas-kelas yang digunakan untuk pembelajaran di Jabatan Komunikasi. Satu sesi temubual bersama pensyarah dan pelajar juga turut diadakan bagi Encik Muhammin mendapatkan maklumbalas tentang penilaianya mengenai perlaksanaan kursus Komunikasi Media Baharu. Selain itu, pihak jabatan komunikasi juga turut meraikan kesudian Encik Muhammin dan keluarga dengan mengadakan jamuan akan malam di Kuala Perlis bersama jawatankuasan Jabatan Komunikasi, FPK.

Hasil penilaian dari Encik Muhammin bukan sahaja memberi pelbagai input yang berguna kepada FPK untuk menambahbaik perlaksanaan kursus Komunikasi Media Baharu malah Encik Muhammin juga telah menyatakan hasrat untuk menaja “backdrop” baru bagi mengantikan backdrop yang lama dan lusuh di studio fotografi Jabatan Komunikasi, FPK. Pada 14 September 2023, Jabatan Komunikasi telah menerima backdrop tersebut dan dipasang di studio fotografi.



NAMA PROGRAM	SEMINAR ANTRABANGSA INTEGRASI ALAM DAN TAMADUN MELAYU, SUTERA 2023 & SEMALU III
TARIKH	23-24 OGOS 2023
TEMPAT	THAKSIN UNIVERSITY, SONGKLHLA THAILAND

23-24 OGOS 2023, pengajuran Seminar Antarabangsa Integrasi Alam dan Tamadun Melayu, SUTERA 2023 & SEMALU III ini telah dijalankan dengan jayanya di Thaksin University, Songkhla Thailand pada 23-24 Ogos 2023. Pada kali ini, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkenan merasmikan Seminar Antarabangsa Integrasi Alam dan Tamadun Melayu, Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) 2023 & Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Ke-3 (SEMALU III) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UniMAP dan Thaksin University (TSU). Turut berkenan berangkat hadir ialah Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Puan Muda Perlis Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Pelaksanaan SUTERA 2023 & SEMALU III ini diintegrasikan dengan tema "Budaya Penyelidikan Watan: Melestari Identiti Keunikan ASEAN". Antara tetamu yang menyampaikan ucaptama ialah Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, Dr. Noriah Mohamed, Sasterawan Negara Dato' Zurinah Hassan, Dr. Burhan Che Daud dan Prof. Dr Nor Hashimah Jalaluddin.



NAMA PROGRAM	HIGHER LEARNING ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL (HE ELCA) 2023
TARIKH	7 DISEMBER 2023
TEMPAT	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

7 DISEMBER 2023, majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah bagi program Higher Learning English Language Carnival (HE ELCA) 2023 telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku tuan rumah tahun ini. HE ELCA merupakan program tahunan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kolaborasi Universiti Awam (UA) terpilih yang juga dipilih secara rawak sebagai tuan rumah setiap tahun dalam memperkasa penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar UA di Malaysia. Seramai 1816 orang pelajar dari 20 buah UA telah mengambil bahagian.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut mengambil bahagian pada tahun ini. Sebanyak empat penyertaan telah dihantar, merangkumi tiga kategori iaitu 'Public Service Announcement', 'TikTok Challenge' dan 'Public Speaking'. UniMAP berjaya membawa pulang sebuah piala dan 'hamper' setelah berjaya memenangi tempat kedua dalam kategori 'TikTok Challenge'!

Dua orang Guru Bahasa Kanan dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), En. Azrizal Salleh dan Cik Nur Farhinaa Othman telah bertolak ke UPSI pada 6 Disember 2023 bersama-sama dengan 3 orang pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) selaku pengiring untuk membuka reruai khas bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah disediakan lebih awal. Pelajar-pelajar tersebut adalah Putri Elyana binti Nasir, Nur Sarah binti Ruslizah dan Azra Izzati binti Jasman. Mereka juga turut serta memeriahkan Majlis Penutup HE ELCA 2023 dengan mengambil bahagian dalam aktiviti terakhir iaitu Aktiviti Bahasa Inggeris (English Language Activities).

Persiapan UniMAP untuk menyertai HE ELCA 2023 telah bermula sejak dua bulan yang lalu dalam memastikan penyertaan dan pembabitan universiti dalam acara tahunan peringkat kebangsaan ini berjalan lancar. Tiga orang guru bahasa lain yang turut sama menyumbang tenaga untuk menjayakan program ini adalah Puan Nur Shaqira Adera, Puan Sharifah Anis dan Puan Nur Adila.



NAMA PROGRAM	THE INTERNATIONAL MOBILITY PROGRAMME SCHOOL OF PUBLIC HEALTH, WALAILAK UNIVERSITY, THAILAND
TARIKH	2-4 APRIL 2023
TEMPAT	WALAILAK UNIVERISITY, THAILAND

2-4 APRIL 2023, seramai 4 orang staf Jabatan Komunikasi, FPK dan seorang staf Jabatan Perniagaan, FPK telah dijemput untuk menghadiri program mobiliti di School of Public Health, Walailak University, Thailand. 4 staf FPK tersebut adalah Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah, Dr. Habee Bullah Affandy, Dr. Julinawati Suanda & Dr. Nur Salimah binti Alias. Program ini merupakan inisiatif dari Profesor Dr. Mohd Mustafa Al Bakri yang telah sedia ada mempunyai jaringan dan program di universiti berkenaan.

Program mobiliti tersebut diadakan bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama antarabangsa di antara FPK dan School of Public Health di Wailailak University seperti mobiliti staf, penyelidikan bersama, dual degree termasuklah dengan perbincangan aktiviti-aktiviti yang berpotensi untuk dilaksanakan.

Mengambil peluang sementara telah berada di Thailand, di dalam perjalanan pulang, peserta program telah singgah di THAKSIN UNIVERSITI di SONGKHLA (TSU) dan satu sesi pembentangan dan perbincangan tentang hal sama turut diadakan bersama wakil program antarabangsa disana iaitu penolong presiden hal ehwal antarabangsa TSU, Dr Khwanchit Suwannoppharat dan Cik Chanathip Kaewthong ketua hubungan antarabangsa TSU.



Sesi bergambar penyerahan cenderahati yang disampaikan oleh Ybrs. Prof. Dr. Mohd Mustafa al Bakri kepada pengurusan School of Public Health, Walailak University, Thailand



Sesi bergambar delegasi FPK bersama pengurusan School of Public Health, Walailak University




Bergambar bersama wakil program antarabangsa Thaksin University iaitu Dr. Khwanchit Suwannoppharat dan Cik Chanathip Kaewthong selaku ketua hubungan



Sesi perbincangan yang diketuai oleh Ybrs. Prof. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri. antarabangsa TSU

RINGKASAN LAPORAN KEWANGAN



REPORT ID : WBR016
RINGKASAN PENYATA PERBELANJAAN FAKULTI PERNIAGAAN DAN KOMUNIKASI PADA 20-DEC-2023

WATIL : 20-12-2023 11.32PM

PAGE: 1 of 1

Kod Akaun	Deskripsi	Peruntukan (RM)	Vireman (RM)	Sumber Dalam / Tambahan (RM)	Selepas Vireman/ Tambahan/ Pindahan(RM)	Pembayaran (RM)	Tanggungan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	% Perbelanjaan
14000	Elaun Lebih Masa	1,300.00	(1,300.00)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	JUMLAH KECIL	1,300.00	(1,300.00)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
21000	Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	25,100.00	4,903.05	0.00	30,003.05	0.00	30,003.05	0.00	100.00	0.00
24000	Sewaan	21,192.00	0.00	0.00	21,192.00	0.00	21,192.00	0.00	100.00	0.00
25000	Bahan-bahan Makanan Dan Minuman	11,173.00	(1,072.38)	0.00	10,100.62	10,089.86	0.00	10,089.86	10.76	99.89
27000	Bekalan Dan Bahari-bahan Lain	14,935.00	1,540.00	0.00	16,475.00	16,436.14	0.00	16,436.14	38.86	99.76
28000	Penyelenggaraan Dan Pembalakan Kecil	17,700.00	3,027.97	0.00	20,727.97	19,627.97	1,100.00	20,727.97	0.00	100.00
29000	Perkhidmatan Iktisias Dan Hospitaliti	43,200.00	29,600.36	0.00	72,800.36	72,790.06	0.00	72,790.06	10.30	99.99
35000	Harta Modal Lain	56,100.00	47,116.00	0.00	103,216.00	73,016.00	30,200.00	103,216.00	0.00	100.00
	JUMLAH KECIL	189,400.00	85,115.00	0.00	274,515.00	243,155.08	31,300.00	274,455.08	59.92	99.98
	JUMLAH KESELURUHAN	190,700.00	83,815.00	0.00	274,515.00	243,155.08	31,300.00	274,455.08	59.92	99.98

SENARAI SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah

KETUA EDITOR

Prof. Madya. Dr Wan Sallha Binti Yusoff

EDITOR

Puan Sharmila Binti Saidin

Puan Nor Innar Binti Md Nor

Puan Norashikin Binti Abdul

Puan Marzura Binti Mat Arid

Puan Rusmiza Binti Abdullah

Puan Nur Akmal Binti Muhamad Yusop

Puan Hasmira Binti Hashim

Puan Normalia Binti Ahmad

PEREKA GRAFIK

Nur Aisyah binti Roslan

Encik Muhammad Fandy bin Fauzi